

Kepada semua pelanggan dan rakan perniagaan yang dihormati:

Telah dibawa kepada perhatian kami bahawa terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab telah menyalahgunakan nama syarikat kami- Opus Asset Management Sdn Bhd ("OpusAM") serta mempromosikannya sebagai sebuah syarikat berlesen di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang, 2011, yang menawarkan skim yang menjanjikan keuntungan yang tinggi dengan risiko yang rendah atau tiada risiko langsung.

Kami ingin menegaskan bahawa pihak terbabit tidak mempunyai sebarang kaitan dengan OpusAM dan kami juga mengesahkan bahawa skim yang mencurigakan malah berunsur jenayah tersebut tidak ditawarkan oleh OpusAM. Dengan itu, kami ingin memaklumkan bahawa OpusAM tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kerugian / kehilangan yang dialami oleh mana-mana pihak atau pihak-pihak yang bertindak berdasarkan skim yang dicurigai itu.

Dalam pada itu, kami ingin mengambil peluang ini untuk mengingatkan para pelabur dan pihak awam supaya berwaspada dan berhati-hati apabila mempertimbangkan sebarang produk kewangan atau skim yang kononnya ditawarkan oleh OpusAM terutama melalui media sosial, memandangkan penipuan atas talian semakin meningkat mutakhir ini. Walaupun kami tidak bertolak-ansur terhadap sebarang kegiatan haram dan akan melaporkan kegiatan tersebut kepada pihak penguatkuasa, adalah sukar bagi pihak kami untuk mengesan aktiviti penipuan dalam masa yang tepat disebabkan kegiatan penipuan yang berleluasa pada masa kini. Oleh itu, kami mencadangkan supaya anda mengambil langkah berjaga-jaga seperti di bawah untuk melindungi diri anda daripada sebarang kemungkinan penipuan:

- Menghubungi pusat khidmat pelanggan kami di +603 2288 8833 atau melalui emel kami di [clientservices@opusasset.com](mailto:clientservices@opusasset.com) untuk melaporkan segala produk kewangan, skim atau kempen pemasaran yang mencurigakan yang telah ditawarkan di bawah nama syarikat kami. Sebagai alternatif, anda boleh berhubung secara langsung ke laman sesawang OpusAM di <https://www.opusasset.com> untuk maklumat lanjut mengenai produk yang ditawarkan dan kempen pemasaran kami.
- Jika anda menerima emel, mesej atau panggilan yang mengatakan ia daripada pihak OpusAM, anda dinasihatkan supaya jangan melayan panggilan, klik pautan atau membuka lampiran emel tanpa pengesahan terhadap identiti pemanggil atau penghantar.
- Anda juga boleh menghubungi pihak berkuasa secara langsung untuk pertanyaan dan membuat laporan jika anda mempunyai sebab untuk menpercayai skim atau produk kewangan yang ditawarkan daripada mana-mana pihak adalah satu skim penipuan. Maklumat untuk anda menghubungi pihak berkuasa telah disenaraikan di bawah:

- (a) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di [aduan@seccom.com.my](mailto:aduan@seccom.com.my) atau 03-6204 8999/8777
- (b) Bank Negara Malaysia di <https://telelink.bnm.gov.my> atau 1-300-88-5465
- (c) <https://www.investsmartsc.my/scam-alert2/>

Terima kasih di atas perhatian anda.

This document is prepared by Opus Asset Management Sdn Bhd (OpusAM) strictly for information only. It should not be circulated or distributed to any parties' without prior approval of OpusAM. Information provided herein may include data or opinion that has been obtained from or is based on sources believed to be reliable, but is not guaranteed as to the accuracy or completeness. OpusAM and its employees accept no liability whatsoever with respect to the use of this document or its contents.

This document is not, and should not be construed as, an offer document or an offer or solicitation to buy or sell any investments.